

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 03 NOVEMBER 2013 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Paten produk sebelum di pasar punca kos naik	Berita Harian
2.	S2A pacu daya saing, inovasi	Berita Harian
3.	Spiralling to victory	Sunday Star
4.	Dublin trip makes team double happy	Sunday Star
5.	Monsun Timur Laut melanda hingga Mac	Berita Harian
6.	Ribut petir diramal petang esok di Dun Sungai Limau	Bernamea.com
7.	Monsun Timur Laut bermula semalam	Mingguan Malaysia
8.	Penyelidik USM cipta alat betul kaki bayi	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 20
TARIKH: 3 NOVEMBER 2013 (AHAD)

Paten produk sebelum dipasar punca kos naik

Kuala Lumpur: Kementerian Sains Inovasi dan Teknologi (MOSTI) mendapati produk inovasi ciptaan penyelidik tempatan gagal dikomersialkan kerana ia dipatenkan terlebih dulu.

Timbalan menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata tindakan penyelidik mempatenkan ciptaan mereka sebelum ia dipasarkan menyebabkan kos meningkat di pihak pembeli.

Ia sekali gus menyebabkan banyak hasil inovasi penyelidik tempatan pada masa ini gagal diketengahkan secara komersial.

Beliau berkata, syarikat terkemuka juga enggan membeli produk inovasi yang siap dipatenkan kerana mereka tidak pasti potensi produk tertentu.

"Kaedah mempatenkan produk inovasi sebelum ia dipasarkan juga adalah halangan kepada perpindahan teknologi," katanya kepada *BH*.

Kerajaan juga, katanya, tidak perlu berbelanja besar untuk mempatenkan produk inovasi yang belum ditentukan daya majunya dalam pasaran.

"Pengeluar produk perlu mengkaji nilai pasaran terlebih dulu sebelum mempatenkannya," katanya.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sebanyak RM2.9 bilion dibelanjakan untuk penyelidikan, merangkumi 3,827 projek berjaya diluluskan, 537 prototaip dan 2,629 harta intelek meliputi hak cipta, produk paten, tanda dagangan dan reka bentuk produk inovasi.

"Daripada jumlah itu kita berjaya membawa kejayaan dengan memenangi beberapa anugerah pada peringkat antarabangsa dan nasional namun hanya 256 produk inovasi dikomersialkan dalam tempoh itu," katanya.

Abu Bakar berkata sehingga 31 Ogos lalu, melalui peruntukan di bawah RMK-10 kerajaan sudah membelanjakan sebanyak RM480.38 juta bagi 1,201 projek yang diluluskan dan 19 produk dikomersialkan.

S2A pacu daya saing, inovasi

» *Malaysia perlu jadi 10 negara terbaik dalam 2 indeks pada 2020: PM*

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mahu Malaysia menjadi antara 10 negara terbaik dalam Indeks Daya Saing Global dan Indeks Inovasi Global menjelang 2020 menerusi pelaksanaan inisiatif Science to Action (S2A).

Perdana Menteri berkata, inisiatif itu akan membabitkan tiga komponen utama iaitu Sains Untuk Industri, Sains Untuk Kesejahteraan dan Sains Untuk Tadbir Urus.

"Hari ini, semua negara termasuk Malaysia perlu melihat sains sebagai satu cara bagi mengatasi perangkap berpendapatan sederhana. Kemajuan saintifik dan inovasi teknologi adalah pemacu penting prestasi ekonomi.

"Keupayaan mencipta, ber-

kongsi dan mengeksploitasi ilmu pengetahuan melalui sains, teknologi dan keusahawanan sudah menjadi satu sumber utama membina daya saing, menjana kekayaan serta meningkatkan kualiti hidup.

MIGHT teliti inisiatif

"Ini sebab saya mengarahkan MIGHT (Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi) melalui Pejabat Penasihat Sains untuk meneliti pelaksanaan inisiatif S2A," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh pada pelancaran inisiatif S2A ketika majlis sambutan ulang tahun ke-20 MIGHT di sini, kelmarin.

Hadir sama Penasihat Sains kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi Bersama MIGHT, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid, seorang lagi Pengerusi Bersama MIGHT, Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali serta Presiden

dan Ketua Pegawai Eksekutif MIGHT, Mohd Yusoff Sulaiman.

Najib berkata, bagi Sains Untuk Industri, tumpuan adalah mewujudkan budaya inovasi dan menguatkan keupayaan industri bagi menjana kekayaan baru.

"Saya percaya kunci kepada usaha ini mesti menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan dan perusahaan kecil dan sederhana menceburi bidang pertumbuhan baru yang berpotensi.

"Kita tidak mengabaikan beliau dan wanita. Kita perlu mempercepatkan usaha meningkatkan syarikat berasaskan teknologi baru terutama dalam kalangan saintis muda dan usahawan

dari kedua-dua jantina.

"Kerajaan akan mewujudkan persekitaran kondusif untuk usahawan dan syarikat untuk meneroka dan melabur dalam industri berasaskan teknologi tinggi, membina ke-

upayaan bagi memenuhi keperluan tempatan dan mewujudkan peluang eksport produk serta perkhidmatan," katanya.

Bagi Sains Untuk Kesejahteraan, Najib berkata, matlamatnya untuk menaik taraf standard kehidupan melalui penggunaan dan penguasaan sains, teknologi dan inovasi.

Utamakan bidang STEM

"Inisiatif ini kini dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan yang juga menekankan kecermerlangan dalam sistem pendidikan nasional terutama bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dengan memberi tumpuan khas kepada generasi muda dan beliau," katanya.

Inisiatif terakhir iaitu Sains Untuk Tadbir Urus, beliau berkata, terasnya ialah mengukuhkan sistem penyampaian awam dan swasta bagi mewujudkan persekitaran kondusif serta ekosistem yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan sains.

"Inisiatif ini akan didorong melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Kebangsaan Ketiga yang diselia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang diluluskan Kabinet pada April lalu," katanya.

“
Hari ini,
semua negara
termasuk
Malaysia perlu
melihat sains
sebagai satu
cara bagi
mengatasi
perangkap
berpendapatan
sederhana”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Spiralling to victory

Mighty Minds National Challenge

What the judges say

Universiti Tunku Abdul Rahman president and CEO Prof Datuk Dr. Chuah Hean Teik

The competition is really very good. We keep saying that students have no interest in Science but that's not true. The problem is that many don't choose Science as a career although they have an interest in it. This competition shows that a lot of them have the interest in Science so we need to think of ways to promote it as a career. I'm very happy with the questions. It gave the students a lot of opportunity to stretch their imagination. Students should be allowed to think out of the box.

Penang Medical College Family Medicine department head Prof Dr Krishnan Rajam

The standard of questions were very

high and I must say they are of world class. This is an important competition and we should encourage more schools to take part. Perhaps the competition could be expanded to become a regional competition. The questions for the model (ICBAS challenge) are also world-class and bring out the creative flair in students.

Ministry of Science, Technology and Innovation deputy secretary-general (Science) Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff

This is the third time I'm judging this competition and this is the best so far. I've seen really innovative ideas. And seeing what the students presented, I'm quite impressed. The winners were good and were quick on their feet especially when it came to answering quiz questions.



Meet the judges:
(From left)
Prof Krishnan,
Prof Chuah
and Prof Khatijah.

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR : MUKA SURAT 2
TARIKH : 03 NOVEMBER 2013 (AHAD)

AFTER five years, the boys from SMJK Sam Tet finally made it to top spot.

"We've won the state competition three times and last year, we came out second in the finals," said team leader Mah Song Wei, who added that they had been taking part in the Mighty Minds National Challenge since they were in Form One.

All Science students, the fifth formers are extremely excited about their upcoming visit to the BT Young Scientist and Technology Exhibition that will be held in Dublin, Ireland in January next year.

This is the second year that Penang Medical College has sponsored the trip and PMC deputy chief executive officer and registrar Mukunden Menon said that the boys will have the opportunity to get new ideas and view a wide range of exhibits at the event.

"I'm sure the students will be very excited when they actually see the exhibition," he said.

Menon added that competitions

Dublin trip makes team doubly happy



One for the camera: Dr Abu Bakar Mohamad Diah (second from left) presenting the 'prize' to the upper secondary winners and their teacher. With them are RHB Banking Group managing director Kam (left), Menon (third from right), Star Publications (M) Bhd acting group chief executive officer Datuk Seri Wong Chun Wai (second from right) and PMC Family Medicine department head Prof Dr Krishnan Rajam (right).

"Their minds should be tuned to look for ways to innovate," he said, adding that the "culture of innovation" needed to be internalised.

When asked to comment on the model that the team had created for the competition finals, Menon said, that even with constraints, they were able to come up with something decent.

"This shows that they have creativity."

He said that the students'

answers during the buzzer quiz component showed that they were reading other materials besides their schoolbooks.

However, Menon added that they might not have "read up on things like that" if they were not taking part in the competition.

PMC is a partnership with the Royal College of Surgeons in Ireland (RCSI) and University College Dublin (UCD).

Apart from the Science exhibition, the boys will also have the opportunity to explore the two campuses during their trip to Ireland.

The schools are two of the oldest medical schools in Ireland and each has a history of its own.

In 1916, Countess Markievicz, with 150 men and 20 women occupied RCSI for one week during a rebellion called the Easter Rising and bullet holes from that time are still visible in the stone facade.

like the Mighty Minds challenge was a good opportunity to foster the culture of innovation among young minds, which was one of the reasons why PMC had decided to sponsor a prize for the competition.

He said that such a competition was invaluable to the students. Menon added that after their visit to the exhibition, the trio would take back the idea that innovation was something that should always be a part of life.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 16
TARIKH: 3 NOVEMBER 2013 (AHAD)

Monsun Timur Laut melanda hingga Mac

Kuala Lumpur: Musim Monsun Timur Laut di negara ini bermula semalam dan dijangka berakhir pada minggu ketiga Mac tahun depan.

Kenyataan Jabatan Meteorologi semalam, berkata episod hujan lebat pertama dijangka berlaku sekitar minggu ketiga bulan ini.

Ia menjelaskan pada musim ini, negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, kawasan pantai Sarawak dan pantai timur Sabah akan mengalami empat hingga lima episod hujan lebat secara menyeluruh dan berterusan antara tiga hingga tujuh hari.

Risiko berlaku kejadian banjir

"Keadaan itu boleh menyebabkan kejadian banjir di pantai timur dan selatan Semenanjung mulai bulan ini hingga Januari depan.

"Kejadian sama boleh berlaku di bahagian barat dan tengah Sarawak serta pantai timur Sabah antara Disember ini hingga Februari depan," katanya.

Kenyataan itu berkata, walaupun negara dijangka mengalami Monsun Timur Laut yang normal, namun setiap episod hujan lebat boleh menyebabkan banjir, terutama di kawasan lembangan sungai.

Musim ini menyaksikan angin timur laut bertiup secara tetap merentasi Laut China Selatan hingga ke kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia. **BERNAMA**

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 3 NOVEMBER 2013 (AHAD)



Ribut Petir Diramal Petang Esok Di DUN Sungai Limau

YAN, 3 Nov (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan tiada hujan di sebelah pagi pada hari pengundian bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau esok.

Bagaimanapun, ribut petir diramalkan pada sebelah petang, kata jurucakap jabatan itu ketika dihubungi Bernama pada Ahad.

PRK DUN Sungai Limau menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon Barisan Nasional (BN) Dr Ahmad Sohaimi Lazim, 52, dan calon PAS Mohd Azam Abdul Samat, 37.

Menurut Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Abdul Ghani Salleh, lebih 90 peratus daripada 27,222 pengundi berdaftar bagi PRK DUN Sungai Limau dijangka keluar mengundi esok berbanding 89 peratus pada Pilihan Raya Umum ke-13 pada Mei lepas.

Beliau berkata kadar peratusan yang positif itu berdasarkan kepada semangat yang dilihat sepanjang tempoh berkempen yang berkonsepkan kekeluargaan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 11
TARIKH: 3 NOVEMBER 2013 (AHAD)

**Monsun Timur
Laut bermula
semalam**

KUALA LUMPUR 2 Nov - Musim Monsun Timur Laut di negara ini bermula semalam dan dijangka berakhir pada minggu ketiga Mac 2014.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, episod hujan lebat pertama dijangka berlaku sekitar minggu ketiga bulan ini.

Ia menjelaskan bahawa pada musim ini, negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, kawasan pantai Sarawak dan pantai timur Sabah akan mengalami empat hingga lima episod hujan lebat yang menyeluruh dan berterusan selama tiga hingga tujuh hari.

Keadaan itu boleh mengakibatkan kejadian banjir di negeri-negeri pantai timur dan kawasan selatan Semenanjung pada bulan ini dan Disember serta Januari 2014.

Kejadian sama boleh berlaku di bahagian barat dan tengah Sarawak pada Disember 2013, Januari dan Februari 2014, dan di pantai timur Sabah pada Januari dan Februari 2014. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 20
TARIKH: 3 NOVEMBER 2013 (AHAD)



Zulkifli menunjukkan produk UFAS yang memenangi pingat perak sempena Ekspo Inovasi Islam (i-Innova) di Bangunan Canselori USM, Georgetown. [FOTO DANIAL SAAD/BH]

"Bayi tidak perlu dibedah dengan adanya alat ini yang akan dibuat khas mengikut saiz kaki bayi membabitkan kos hanya RM150 dan mampu dimiliki sesiapa saja"

Mohd Zulkifli Abdul Rahim, Wakil penyelidik USM

Penyelidik USM cipta alat betul kaki bayi

» Kos UFAS hanya RM150, berjaya rangkul pingat perak pada i-Innova

Oleh Nabilla Md Wazilah
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mencipta alat bagi membetulkan tulang kaki seawal bayi dilahirkan tanpa

perluan pembedahan.

Alat yang dikenali sebagai 'User Friendly Abduction Splint' (UFAS) itu hasil ciptaan Mohd Fahmi Hamzah dari Unit Pemulihan Hospital USM, Kubang Kerian.

Wakil penyelidik, Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim, berkata alat berkenaan sesuai untuk bayi yang mengalami 'Club Foot' atau 'Congenital Talipes Equinovarus' (CTEV), iaitu kecacatan pada kaki dan sendi buku lali di mana kaki berputar ke dalam dan bawah.

"Bayi tidak perlu dibedah dengan adanya alat ini yang akan dibuat khas mengikut saiz kaki bayi membabitkan kos hanya RM150 dan mampu

dimiliki sesiapa saja," katanya.

Rangkul pingat

Alat itu berjaya merangkul pingat perak pada Ekspo Inovasi Islam (i-Innova) keempat 2013 di Stadium Tertutup Negeri Sembilan di Nilai, minggu lalu.

Sementara itu, alat 'Stand Up: Manual Footplate for Balance Rehabilitation' untuk membantu pesakit angin ahmar dan individu bermasalah keseimbangan badan, ciptaan Dr Zuraida Zainun dari Pusat Pengajian Sains Kesihatan

USM berjaya membawa pulang pingat gangsa pada ekspo sama.

Beliau berkata, ketika ini, ada 50,000 kes pesakit angin ahmar setiap tahun dengan kebanyakan mereka mempunyai masalah untuk ke hospital bagi menjalani rawatan.

"Alat yang berharga RM300 ini direka bagi memudahkan pesakit melakukan rawatan di rumah mengikut buku panduan yang kami sertakan," katanya.

Sementara itu, Pemangku Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr See Ching Mey, berkata USM bangga dengan pencapaian penyelidik mereka yang dapat mencipta produk bermanfaat untuk masyarakat.

"Kini kita bukannya hanya tertumpu kepada produk inovasi semata-mata tetapi juga produk yang dapat digunakan oleh masyarakat secara terus dan mampu milik," katanya.

